

# Interpretasi baru 13 Mei tidak perlu

11m-15/5/2007

KUALA LUMPUR 14 Mei - Sebarang interpretasi baru di sebalik peristiwa 13 Mei 1969 tidak diperlukan kerana ia boleh menggugat keharmonian perpaduan antara kaum di negara ini.

Menurut Tokoh Budayawan Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh, selain peristiwa itu telah lama berlaku, semua pihak juga sudah mengetahui dan menerima fakta rasmi berhubung kejadian tersebut.

"Jadi biarlah ia menjadi sejarah dan tidak perlu untuk kita mengungkit kembali kisah lampau. Adalah lebih baik kita meneruskan agenda dan hala tuju masa depan kita," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau diminta mengulas penerbitan buku *13 Mei: Di Sebalik Dokumen Sulit Rusuhan 1969* oleh bekas Ahli Parlimen Petaling Jaya (DAP), Dr. Kia Soong semalam.

Buku yang didakwa ditulis berdasarkan dokumen sulit Pejabat Rekod Awam di London itu antara lain mendakwa rusuhan tersebut berpunca daripada konspirasi kelas menengah untuk menjatuhkan kerajaan.

Kia Soong yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Negeri (ISA) ketika Ops Lallang pada tahun 1987 turut menggesa ditubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat tragedi berdarah yang mengorban 196 orang itu.

Menurut Wan Hashim, fakta sejarah dengan jelas menunjukkan jurang ekonomi yang jauh

berbeza antara kaum merupakan antara punca menyebabkan peristiwa hitam itu berlaku.

Jelas beliau, tindakan mengungkit cerita lama itu tidak wajar kepada perpaduan negara.

"Apa akan berlaku jika orang Melayu turut mengungkit semula cerita lama. Bagaimana kedudukan mereka yang terhimpit dan tersepit pada ketika itu," ujarnya.

Dalam pada itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Shamsul Anuar Nasarah bersetuju dengan kenyataan Wan Hashim bahawa mengungkit kisah lama hanya membawa keburukan termasuk menjejaskan tumpuan bagi mencapai Wawasan 2020.

Menurut beliau, rakyat Malaysia terutama generasi muda tidak seharusnya diganggu dengan sejarah silam yang sudah pun berlaku dan tidak boleh diubah lagi.

"Kita tidak mempunyai banyak masa untuk menoleh ke belakang kerana tumpuan sekarang ialah untuk bekerja kuat bagi memastikan semua perancangan bagi memajukan negara dilaksanakan.

"Kita juga harus berusaha bagi memastikan keharmonian hubungan antara kaum khususnya di kalangan generasi muda terus kekal," tegasnya.

Tambah Shamsul Anuar, beliau meragui fakta-fakta yang dikemukakan oleh Kia Soong kerana ia berasaskan kepada laporan diplomat dan wartawan asing.